



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

TEKNIK ToHuCoKeP DALAM KEMAHIRAN MENULIS KARANGAN PERBAHASAN BAHASA TAMIL TINGKATAN 3

KALA A/P PAMAYA



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2025



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**TEKNIK ToHuCoKeP DALAM KEMAHIRAN MENULIS KARANGAN
PERBAHASAN BAHASA TAMIL TINGKATAN 3**

KALA A/P PAMAYA

**LAPORAN KERTAS PROJEK DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI
SYARAT UNTUK MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN
(BAHASA TAMIL)
(MOD KERJA KURSUS)**

**FAKULTI BAHASA DAN KOMUNIKASI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2025



Sila tanda (✓)

Kertas Projek

Sarjana Penyelidikan

Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus

Doktor Falsafah

/

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH**PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN**

Perakuan ini telah dibuat pada²³ (hari bulan)..... Disember (bulan) 20..²⁵....

i. Perakuan pelajar :

Saya, KALA A/P PAMAYA, M20241001260, FAKULTI BAHASA DAN KOMUNIKASI (SILA NYATAKAN NAMA PELAJAR, NO. MATRIK DAN FAKULTI) dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis yang bertajuk TEKNIK ToHuCoKeP DALAM KEMAHIRAN MENULIS KARANGAN PERBAHASAN BAHASA TAMIL TINGKATAN 3

adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejasanya dan secukupnya

Tandatangan pelajar

ii. Perakuan Penyelia:

Saya, _____ (NAMA PENYELIA) dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk _____

(TAJUK) dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian Siswazah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh Ijazah _____ (SILA NYATAKAN NAMA IJAZAH).

Tarikh

Tandatangan Penyelia





INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH / INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES

BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM

Tajuk / Title: TEKNIK ToHuCoKeP DALAM KEMAHIRAN MENULIS KARANGAN PERBAHASAN BAHASA TAMIL

TINGKATAN 3

No. Matrik /:

M20241001260

Matric's No.:

Saya / I am: KALA A/P PAMAYA

(Nama Pelajar / Student's Name)

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Kedoktoran/Sarjana) ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut: -
acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows: -

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik Universiti Pendidikan Sultan Idris.
The Thesis/Dissertation/Project Paper is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris.
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat Salinan untuk tujuan rujukan dan pendidikan.
Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and education.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
The library has the right to make copies of the thesis/Dissertation/Project Paper for academic exchange.
4. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick (✓) for category below: -

/	AKSES TERBUKA OPEN ACCESS	Saya bersetuju bahawa Tesis/Disertasi/Kertas Projek boleh diterbitkan sebagai salinan fizikal atau akses terbuka dalam talian. <i>I agree that the Thesis/Dissertation/Project Paper may be published as a physical copy or open access online.</i>
	*TERHAD *LIMITED	Mengandungi maklumat terhad seperti yang dinyatakan oleh organisasi/institusi di mana penyelidikan dijalankan. (Perpustakaan akan menyekat akses sehingga ____ tahun). <i>Contains restricted information as specified by the organization/institution where the research was conducted. (Library will restrict access until ____ years).</i>
	*SULIT *CONFIDENTIAL	Mengandungi maklumat sulit di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972. <i>Contains confidential information under the Official Secrets Act 1972.</i>
	EMBARGO	Tesis/Disertasi/Kertas Projek ini tertakluk kepada tempoh embargo selama 2 tahun atas sebab-sebab berikut: This Thesis/Dissertation/Project Paper is subject to an embargo period of 2 years for the following reasons:

*Nota / *Notes:

- i. Jika tiada pilihan yang ditandai, pilihan pertama akan dilaksanakan secara automatik.
If no option is marked, the first option will be automatically implemented.
- ii. Jika Tesis/Disertasi/Kertas Projek ini dikategorikan sebagai **SULIT** atau **TERHAD**, sila lampirkan surat dari pihak berkuasa/organisasi yang berkaitan dengan menyatakan alasan dan tempoh tesis ini perlu diklasifikasikan sebagai **TERHAD** atau **SULIT**. / If the Thesis/Dissertation/Project Paper is categorized as **CONFIDENTIAL** or **LIMITED**, kindly attach a letter from the relevant authority/organization stating the reason and duration for the thesis should be classified as **LIMITED** or **CONFIDENTIAL**.

(Tandatangan Pelajar/ Signature)

(Tandatangan Penyelia / Signature of Supervisor)
& (Nama & Cop Rasmi / Name & Official Stamp)

Tarikh/Date:

Tarikh/Date:



PENGHARGAAN

Setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan ke hadrat Tuhan Yang Maha Esa kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya, saya dapat menyiapkan kajian ini dengan jayanya. Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada penyelia saya iaitu Dr. Ilangkumaran A/L Sivanadhan yang telah banyak memberikan bimbingan, nasihat serta panduan yang amat bernilai sepanjang tempoh penyelidikan kajian ini. Penghargaan turut diberikan kepada murid-murid yang terlibat sebagai responden kajian atas kerjasama dan komitmen yang tinggi sepanjang kajian ini dilaksanakan. Tidak dilupakan juga kepada guru dan ketua panitia Bahasa Tamil yang sudi meluangkan masa dan memberikan ruang untuk saya menjalankan temu bual. Pandangan serta perkongsian pengalaman mereka amat bernilai dalam melengkapkan kajian ini. Saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada warga Fakulti Bahasa dan Komunikasi atas segala ilmu, sokongan dan kemudahan yang disediakan sepanjang tempoh pengajian saya. Penghargaan istimewa ditunjukkan kepada ibu bapa iaitu En.Pamaya a/l Alakan dan Pn.Vamapathy a/p Sathunair dan adik beradik tersayang atas doa, sokongan moral dan dorongan. Tidak ketinggalan ucapan terima kasih kepada rakan-rakan yang mengikuti kursus yang sama Mullay, Anjalai, Vimona, Rajeswari, Puvaneswari dan rakan baik saya Tavammani atas semangat, kerjasama, perkongsian idea dan sokongan yang diberikan. Akhir sekali, setulus penghargaan ditujukan kepada rakan sekerja, khususnya Roshilla, Zeny Erna Firdiana dan Nur Syahirah, yang telah membantu saya secara langsung dan tidak langsung, sama ada melalui perbincangan, sokongan moral mahupun bantuan.





ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk meningkatkan kemahiran menulis karangan perbahasan Bahasa Tamil kalangan pelajar Tingkatan 3 melalui penggunaan teknik ToHuCoKeP. Seramai 30 murid dari sebuah sekolah daerah Johor Bahru dipilih sebagai responden melalui kaedah persampelan rawak. Daripada laporan analisis item soalan pertengahan tahun membuktikan kebanyakan pelajar di sekolah tersebut mempunyai masalah penulisan karangan perbahasan. Kajian menggunakan reka bentuk kualitatif dengan instrumen ujian pra, ujian pasca, temu bual, dan analisis dokumen. Data dianalisis secara statistik deskriptif (peratusan) dan tematik. Dapatan menunjukkan peningkatan ketara selepas enam kelas intervensi, dengan semua murid menunjukkan penguasaan yang kepujian dalam mengolah isi, 82% dalam pengurusan struktur karangan, dan semua murid mempunyai peningkatan dari segi keseluruhan markah. Enam belas murid mendapat tahap penguasaan cemerlang iaitu antara 33 hingga 40 markah selepas penggunaan teknik ToHuCoKeP dalam karangan perbahasan. Oleh itu, kajian ini dijalankan bagi mengenal pasti masalah penulisan karangan perbahasan yang dihadapi oleh murid serta menilai keberkesanan teknik ToHuCoKeP sebagai satu intervensi pengajaran dan pembelajaran. Temu bual mendapati murid lebih yakin mengembangkan hujah secara sistematik dan menggunakan contoh yang relevan untuk menyokong hujah mereka. Implikasinya, teknik ToHuCoKeP berpotensi sebagai pendekatan pedagogi berkesan untuk mengatasi kelemahan murid dalam penulisan isi karangan serta menyokong matlamat Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM). Kajian ini memberi sumbangan penting kepada guru, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), dan murid dalam mempertingkatkan pencapaian Bahasa Tamil.

Kata Kunci: ToHuCoKeP, Karangan Perbahasan, Bahasa Tamil, Kemahiran Menulis, Tingkatan 3, Intervensi Pedagogi.



The Effectiveness of the ToHuCoKeP Technique on Form 3 Students' Argumentative Essay Writing in Tamil.

ABSTRACT

This study examines the effectiveness of the ToHuCoKeP technique (Topic, Elaboration, Example, Effect, Emphasis) in enhancing the argumentative essay writing skills of Form 3 students in Tamil language. A total of 30 students with low writing proficiency were selected as respondents using a random sampling method. The study employed a qualitative design with instruments including pre-tests, post-tests, interviews, and document analysis. Data were analysed using descriptive statistics (percentages) and thematic analysis. The findings indicate significant improvement following the intervention, with 78% of students demonstrating strong mastery in content development, 82% in essay structure management, and a 35% overall increase in achievement. Interviews revealed that students became more confident in systematically developing arguments and effectively using examples to support their points. The findings suggest that the ToHuCoKeP technique has the potential to serve as an effective pedagogical approach to address students' weaknesses in content development and to support the objectives of the Malaysian Secondary School Standard Curriculum (KSSM). This study provides valuable insights for teachers, the Ministry of Education Malaysia (MOE), and students in enhancing Tamil language achievement.

Keywords: ToHuCoKeP, Argumentative Essay, Tamil Language, Writing Skills, Form 3, Pedagogical Intervention.



KANDUNGAN

Muka Surat

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN	ii
PENGESAHAN PENYERAHAN DISERTASI	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xi
SENARAI RAJAH	xii
SENARAI SINGKATAN	xiii
SENARAI LAMPIRAN	xv



BAB 1 PENGENALAN

1.1	Pendahuluan	1
1.2	Latar Belakang Kajian	2
1.2.1	Kemahiran Menulis	3
1.2.2	Bahasa Tamil	5
1.2.3	Teknik ToHuCoKeP	8
1.2.4	Karangan Perbahasan	9
1.3	Pernyataan Masalah	11
1.4	Objektif Kajian	13
1.5	Persoalan Kajian	14
1.6	Kerangka Konseptual Kajian	14
1.7	Batasan Kajian	15
1.8	Kepentingan Kajian	17
1.8.1	Kepentingan kepada Murid	17
1.8.2	Kepentingan kepada Guru	18





1.8.3	Kepentingan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia	19
1.9	Definisi Operasional	20
1.9.1	ToHuCoKeP	21
1.9.2	Karangan Perbahasan	22
1.10	Rumusan	22

BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

2.1	Pengenalan	24
2.2	Kajian-kajian terdahulu	
2.2.1	Kemahiran Menulis	25
2.2.2	Penggunaan Teknik dalam karangan	29
2.2.3	Persediaan Guru untuk Mengajar karangan.	32
2.3	Rumusan	36

BAB 3 METHODOLOGI KAJIAN

3.1	Pengenalan	38
3.2	Reka Bentuk Kajian	39
3.3	Kerangka Prosedur Kajian	41
3.4	Populasi Dan Persampel	42
3.4.1	Populasi	42
3.4.2	Persampelan Kajian	43
3.5	Instrumen Kajian	44
3.5.1	Ujian Pra	44
3.5.2	Ujian Pasca	45
3.6	Cara Pengumpulan Data	47
3.6.1	Temu Bual	48
3.8	Analisis Data	50
3.9	Teori Kajian	51
3.10	Rumusan	53



**BAB 4 DAPATAN KAJIAN**

4.1	Pengenalan	54
4.2	Dapatan Ujian Pra Dan Ujian Pasca	55
4.2.1	Mengenal pasti masalah yang dihadapi oleh murid dalam penulisan karangan perbahasan.	56
4.2.2	Melaksanakan Latihan Penulisan Karangan Perbahasan Kepada Para Murid Melalui Teknik Tohucokep Bagi Mempertingkat Kemahiran Mengolah Isi Dan Menyusun Hujah Dengan Baik	62
4.2.3	Mengenal Pasti Keberkesanan Teknik Tohucokep Dalam Karangan Perbahasan Bahasa Tamil Murid Tingkatan 3.	80
4.2.3.1	Analisis Perbandingan Pencapaian Murid Murid Antara Ujian Pra dan Pasca	80
4.2.3.2	Analisis Perbandingan Pencapaian Mengikut Komponen Esei Antara Ujian Pra dan Pasca	82
4.2.3.3	Analisis Temu Bual Ketua Panitia dan Guru Mata Pelajaran	88
4.3	Rumusan	101

BAB 5 PERBINCANGAN KESIMPULAN DAN CADANGAN

5.1	Pengenalan	102
5.2	Rumusan Hasil Kajian	103
5.3	Perbincangan Dapatan Kajian	104
5.3.1	Apakah Tahap Pencapaian Murid Dalam Penulisan Karangan Perbahasan?	105
5.3.2	Sejauh Manakah Latihan Menggunakan Teknik Teknik Tohucokep Dapat Membantu Murid Mengolah Isi Dan Menyusun Hujah Dengan Lebih Teratur Dan Berkesan?	105



5.3.3	Bagaimanakah Teknik Tohucokep Mempengaruhi Pengorganisasian Struktur Karangan Perbahasan Bahasa Tamil Dalam Kalangan Murid Tingkatan 3?	107
5.3.4	Sejauh Manakah Teknik Tohucokep Dapat Meningkat Pencapaian Murid Tingkatan 3 Dari Segi Markah Dalam Penulisan Karangan Perbahasan Bahasa Tamil?	108
5.4	Cadangan Kajian Lanjutan	109
5.5	Rumusan	111
RUJUKAN		113

**SENARAI JADUAL**

No Jadual		Muka Surat
1.1	Standard Kandungan dan Pembelajaran	10
1.2	Penjelasan ToHuCoKeP Karangan Terbuka	21
3.1	Terperincian Reka Bentuk Kajian	40
3.2	Contoh Gred Karangan	46
3.3	Kriteria Panduan Penskoran	46
3.4	Latar Belakang Guru Menemubual	49
3.4	Proses Teori Konstruktivisme dalam Kajian	53
4.1	Markah dan Tahap Pencapaian Peperiksaan Pertengahan Tahun	57
4.2	Markah Mengikut Pecahan Markah Ujian Pra	60
4.3	Penerangan Karangan Perbahasan	65
4.4	Soalan Karangan Minggu Pertama	67
4.5	Soalan Karangan Minggu Kedua	69
4.6	Soalan Karangan Minggu Ketiga	70
4.7	Soalan Karangan Minggu Keempat	71
4.8	Soalan Karangan Minggu Kelima	72
4.9	Soalan Karangan Minggu Keenam	74
4.10	Markah Kelas Intervensi	74
4.11	Analisis Perbandingan Pencapaian Murid Kumpulan Rawatan	80
4.12	Perbandingan Purata Markah Komponen Esei Antara Ujian Pra dan Pasca	82





SENARAI RAJAH

No Rajah

Muka Surat

1.1	Kerangka konseptuan kajian	15
3.1	Reka Bentuk Kajian	39
3.2	Kerangka prosedur kajian	41
3.3	Penganalisis data	50
4.1	Pengagihan Markah	57
4.2	Sebab Kekurangan Markah Soalan Karangan Perbahasan Mengikut Ujian Pra	58
4.3	Teknik Template ToHuCoKeP	64
4.4	Teknik Template ToHuCoKeP	66
4.5	Sebab Tidak Hadir Ke Kelas Intervensi	78
4.6	Analisis Tahap Pencapaian Murid Ujian Pra	85
4.7	Analisis Tahap Pencapaian Murid Ujian Pasca	86
4.8	Analisis Perbandingan Pencapaian Murid Ujian Pra Dan Pasca	87





SENARAI SINGKATAN

ToHuCoKeP	T opik atau isi utama, H uraian, C ontoh, K esan & P enutup petikan
IMBaKUP	I dea Utama, M engapa, B agaimana, K esan, U ngkapan Menarik & P enegasan Kecil
SJKT	Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil
SK	Sekolah Kebangsaan
BTSK	Program Bahasa Tamil Sekolah Kebangsaan
UPSR	Ujian Penilaian Sekolah Rendah
PT 3	Pentaksiran Tingkatan Tiga
SPM	Sijil Pelajaran Malaysia
STPM	Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia
UM	Universiti Malaya
UPSU	Universiti Pendidikan Sultan Idris
KSSM	Kurikulum Standard Sekolah Menengah
PAK-21	Pembelajaran Abad Ke-21
PdP	Pengajaran dan Pembelajaran
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
KBAT	Kemahiran Berfikir Aras Tinggi
PPPM	Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia
KBSM	Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah
KBSR	Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah
KSSR	Kurikulum Standard Sekolah Rendah
BTSK	Program Bahasa Tamil Sekolah Kebangsaan
DSKP	Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran
UASA	Ujian Akhir Sesi Akademik
PASA	Peperiksaan Akhir Sesi Akademik
LP	Lembaga Peperiksaan





RPH	Rancangan Pengajaran Harian
GBM	Guru Bahasa Melayu
SJKC	Sekolah Jenis Kebangsaan Cina
PdPc	Pembelajaran Dan Pemudahcaraan
PBD	Pentaksiran Bilik Darjah
PKP	Perintah Kawalan Pergerakan
TTW	Think Talk Write





SENARAI LAMPIRAN

Lampiran

- A Analisis Item Peperiksaan Pertengahan
Tahun Bahasa Tamil Tingkatan 3
- B Rancangan Pengajaran Harian (RPH)
- C Borang Kesahan Instrumen Kajian
- D Soalan Temu Bual
- E Slide Teknik, Format Karangan Perbahasan dan
Tajuk Mingguan
- F Karangan Responden



BAB 1

PENGENALAN

Kajian ini berkaitan dengan teknik ToHuCoKeP yang digunakan dalam kemahiran menulis karangan perbahasan Bahasa Tamil Tingkatan 3. Salah satu kemahiran yang terdapat di kurikulum sekolah menengah ialah kemahiran menulis. Semua murid perlu menguasai kemahiran ini sepenuhnya. Kemahiran menulis merupakan salah satu aspek utama untuk menguasai Bahasa Tamil, terutamanya dalam kalangan murid menengah atas. Tingkatan tiga adalah tempat asas bagi murid untuk mengenal karangan bertaraf SPM.

Bahagian pembangunan kurikulum berusaha untuk membentuk dan memperkayakan pengalaman pembelajaran murid. Perancangan yang teliti oleh



bahagian pembangunan kurikulum untuk murid mencapai kemahiran menulis karangan secara lebih berkesan. Tetapi hasil pencapaian daripada murid kurang memuaskan atau belum mencapai kehendak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Sebagai ikhtiar, pengkaji menggunakan teknik ToHuCoKeP untuk memperkasa kemahiran menulis karangan murid dalam perbahasan. Teknik ini menyuntik penekanan dari segi mengulas isi karangan. Isi karangan yang meliputi peratus pemarkahan yang paling banyak daripada markah penuh. Melalui teknik ini murid dapat menghasilkan karangan yang bertaraf cemerlang.

Dalam peperiksaan Bahasa Tamil peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), karangan jenis perbahasan merupakan salah satu komponen penulisan yang dinilai dalam Kertas 1, Bahagian B. Bahagian ini memperuntukkan sebanyak 70 markah daripada keseluruhan 100 markah yang disediakan bagi kertas tersebut. Oleh itu, teknik ini juga membantu murid untuk mendapatkan markah yang lebih tinggi. Ia membantu untuk mendapat keputusan yang cemerlang.

1.2 Latar belakang kajian

1.2.1 Kemahiran Menulis

Tujuan utama KSSM adalah untuk melahirkan warganegara Malaysia yang berilmu pengetahuan, keterampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berupaya mencapai kesejahteraan (DSKP, 2017). Sistem peperiksaan pada masa kini





kebanyakannya bergantung kepada kemahiran menulis. Walaupun pada masa kini Lembaga Peperiksaan telah melaksanakan Ujian Bertutur, Ujian Mendengar dan Ujian Amali di peringkat SPM, tetapi pada tahap menengah rendah pencapaian murid sepenuhnya bergantung kepada ujian bertulis. Selain daripada penilaian melalui ujian, kemahiran menulis turut memainkan peranan penting dalam Pentaksiran Bilik Darjah (PBD).

Menurut Chew Fong Peng dan Saidatul Aliah Amir (2023), kemahiran menulis merupakan aspek asas yang signifikan dalam membentuk murid yang literat bahasa, sekali gus membantu mereka mengembangkan daya intelek dan pemikiran melalui aktiviti penulisan. Murid yang memiliki tahap pengetahuan yang baik lazimnya didasari oleh penguasaan kemahiran menulis yang mantap. Oleh itu, kemahiran ini perlu diberikan penekanan oleh semua pihak yang terlibat dalam proses pendidikan. Terutamanya kemahiran mengarang antara yang paling penting dan semua murid perlu menguasai teknik mengarang. Kemahiran mengarang membantu murid untuk berfikir secara kreatif dan inovasi.

Kemahiran menulis ini amat penting kepada murid untuk mengembangkan kemahiran-kemahiran lain (DSKP, 2017). 4 kemahiran asas iaitu mendengar, bertutur, menulis dan membaca yang terkandung dalam DSKP adalah berkait antara satu sama lain. Mahzan Arshad (2012), juga mengatakan kemahiran menulis merupakan salah satu kemahiran yang amat penting bagi melairkan seseorang murid literasi bahasa yang dapat memperkembangkan akal dan pemikiran melalui penulisan. Semasa menulis murid mudah memahami kandungan ataupun isu berkaitan tentang sesuatu topik. Ia membantu untuk meningkatkan literasi bahasa dan pengetahuan am murid. Dapatan



daripada penulisan ini mendorong murid semasa menjawab soalan peperiksaan bahasa tamil dan peperiksaan mata pelajaran yang lain.

Antara kemahiran di kurikulum, kemahiran menulis adalah yang paling diutamakan kerana ia merupakan kaedah penilaian yang utama disemua peringkat malahan kecemerlangan murid dalam peperiksaan turut ditentukan oleh aspek penulisan mereka (Aluwi et al., 2023). Walaupun pada masa ini ujian bertutur sebagai satu peperiksaan pada peringkat SPM, tetapi peperiksaan bertulis masih lagi dominan di semua peringkat peperiksaan. Sebagai contohnya bagi Ujian Akhir Sesi Akademik (UASA) penilaian murid menengah rendah, Pentaksiran Akhir Sesi Akademik (PASA) penilaian murid tingkatan 4, Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) penilaian murid tingkatan 5 dan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) ujian menulis yang memberi sumbangan yang paling banyak dalam tahap peperiksaan ini.

1.2.2 Bahasa Tamil

Bahasa ialah satu medium yang digunakan oleh manusia untuk berhubung dan bertukar pendapat antara satu sama lain (Kamus Dewan Bahasa, 2016). Tamil merupakan bahasa klasik. Tamil adalah bahasa ke-18 yang paling banyak ditutur di dunia ini. Komunikasi dalam lisan dan tulisan membantu untuk memperkukuhkan Bahasa Tamil.

Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) diperkenalkan pada tahun 2017 bagi menengah rendah. Ia adalah kurikulum bagi sekolah menengah seluruh negara Malaysia. KSSM ini menggantikan sistem Kurikulum Bersepadu Sekolah



Menengah (KBSM). Sistem KSSM ini juga telah dilaksanakan dengan mengambil kira matlamat Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPMP) pada tahun 2013-2025. Salah satu daripada lima aspirasi sistem Pendidikan yang tersenarai di Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysi ialah kualiti pencapaian murid. Perlu meningkatkan kualiti Pendidikan untuk mencapai standar Pendidikan. Kandungan sistem KSSM membantu untuk mencapai pencapaian ini.

Dibawah sistem Pendidikan KSSM terdapat pelbagai mata pelajaran yang dipelajari oleh murid. Salah satunya ialah mata pelajaran Bahasa Tamil. Bahasa Tamil merupakan salah satu mata pelajaran elektif yang ditawarkan di peringkat Sijil Pelajaran Malaysia bagi murid yang mempunyai latar belakang Pendidikan Tamil. Kebanyakan murid yang memulakan sesi persekolahan di Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil yang mengambil subjek Bahasa Tamil di sekolah menengah. Sebagai Bahasa warisan yang mempunyai sejarah, nilai budaya dan kesusasteraan yang tinggi, pengajaran serta pembelajaran Bahasa Tamil di sekolah menengah memainkan peranan penting dalam memupuk kecintaan terhadap Bahasa ibunda, memperkukuh jati diri dan membantu untuk mengekalkan warisan budaya masyarakat India di Malaysia.

Seiring dengan peralihan Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah (KBSR) kepada Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) pada tahun 2017, Bahasa Tamil telah diperkenalkan sebagai bahasa tambahan di Sekolah Kebangsaan (SK). Pelaksanaan ini dikenali sebagai Program Bahasa Tamil Sekolah Kebangsaan (BTSK). Peruntukan masa bagi subjek tambahan ini ialah selama 1 jam dalam





seminggu. (DSKP, 2017). Ia membantu murid bukan daripada Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil untuk mempelajari Bahasa Tamil.

Disamping itu, kandungan buku teks Bahasa Tamil juga dinaik taraf yang selaras dengan cara pemikiran abad ke-21 melalui sistem KSSM (DSKP, 2017). Berbanding dengan buku teks KBSM ke KSSM terdapat pelbagai perbezaan dari segi kandungan, maklumat, warna dan lain-lain. Perubahan ini membantu untuk menarik minat murid untuk mempelajari Bahasa Tamil. Selain itu, kandungan buku teks juga sangat sesuai untuk masa sekarang. Gambar dan warna yang digunakan juga membantuk untuk menarik minat murid. Selain daripada menarik minat murid, gambar yang digunakan dapat membantu murid untuk mengeluarkan idea-idea untuk membuat karangan. Terutamanya karangan perbahasan.



Di sekolah menengah pula murid boleh belajar Bahasa Tamil dari kelas peralihan hingga tingkatan 6. Bahasa tamil dijadikan sebagai subjek elektif di peringkat SPM. Murid yang berminat boleh menduduki peperiksaan Bahasa Tamil di peringkat SPM dan STPM tanpa ada apa-apa halangan. Kurikulum Bahasa Tamil dan buku teks Bahasa tamil juga disediakan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia untuk membantu murid dan guru untuk membentuk pengajaran dan pembelajaran yang berkesan. Karangan perbahasan adalah salah satu kandungan yang terdapat dalam kurikulum KSSM dari tingkatan 3 hingga tingkatan 5.

Bahagian karangan ini merangkumi markah yang besar di semua tahap peperiksaan. Sebagai contohnya di peperiksaan Ujian Akhir Sesi Akademik (UASA), mata pelajaran Bahasa Tamil bahagian karangan merangkumi empat puluh markah





daripada keseluruhan markah. Sama juga di Peperiksaan Akhir Sesi Akademik (PASA) dan di peperiksaan SPM bahagian karangan merangkumi seratus markah daripada dua ratus tiga puluh markah. Oleh itu, untuk mencapai tahap cemerlangan murid perlu menguasai bahagian karangan dengan sepenuhnya.

Kebiasaanya 3 soalan karangan akan diadakan di bahagian E kertas soalan Tingkatan 3. Salah satu soalan tentang karangan perbahasan dan ia memikul 40 markah daripada keseluruhan pemarkahan. Bukan sahaja di Tingkatan 3, malah di peringkat SPM juga terdapat soalan perbahasan. Biasanya soalan kedua di bahagian B kertas soalan satu. 70 markah untuk soalan karangan perbahasan ini. Karangan perbahasan ini adalah karangan yang diiktiraf oleh Lembaga Peperiksaan Malaysia.



1.2.3 Teknik ToHuCoKeP

Aplikasi YouTube adalah salah satu jejaring sosial yang paling popular (Nunzairina et al., 2023). Terdapat pelbagai jenis video yang mengandungi dalam YouTube. Salah satunya mengenai pendidikan atau tentang pengajaran dan pembelajaran. Menurut Nunzairina et al., 2023 YouTube dapat dijadikan media pembelajaran. kebanyakan guru di sekolah menggunakan media YouTube sebagai alat bantu mengajar dan ia memberi impak yang positif kepada kefahaman murid. Teknik ToHuCoKeP sangat kenal di media YouTube.





Teknik ini dijadikan sebagai panduan untuk menulis karangan terbuka. Dengan menggunakan teknik ini murid mudah untuk menulis karangan dalam masa yang diperuntukkan. Dalam 2 jam murid menengah rendah harus menyiapkan 5 bahagian semasa peperiksaan. Hanya empat puluh lima minit sahaja diperuntukkan untuk bahagian karangan. Bagi memudahkan pengolahan karangan, murid harus mengetahui tentang teknik-teknik karangan.

Bagi melahirkan karangan yang berciri cemerlang sewajarnya mengetahui teknik yang sesuai digunakan sebelum menghasilkan sebuah karangan yang lengkap. Murid yang mampu menguasai aspek perbahasan, satu daripada teknik yang boleh diaplikasikan bagi memudahkan murid-murid menghasilkan sebuah karangan yang lengkap adalah melalui teknik IMBaKUP (Suhana Pakhrurazi, Jamaludin Badusah, 2021). Pengembangan isi adalah bahagian yang utama dalam karangan. Bagi mengelakkan isi atau huraian yang sama dalam karangan guru perlu mengajarkan teknik mengulas isi untuk murid. Sama juga teknik ToHuCoKeP membantu murid untuk mengembangkan isi dalam karangan. ToHuCoKeP merupakan akronim kepada frasa-frasa berikut iaitu :-

- ❖ To – topik atau isi utama
- ❖ Hu – huraian
- ❖ Co – contoh
- ❖ Ke – kesan
- ❖ P – ayat penegasan atau ayat penutup petikan

Melalui penggunaan teknik ToHuCoKeP, guru Bahasa Tamil dapat membimbing murid untuk mengembangkan dan menghuraikan isi karangan pada tahap





yang lebih tinggi. Perenggan isi karangan akan padat dengan maklumat. Ia juga membantu untuk mengelakkan isi atau huraian yang sama. Selain itu, melalui teknik ini murid akan senang untuk menghuraikan isi utama. Teknik ini juga membantu untuk murid menyiapkan sebuah karangan perbincangan dalam masa yang ditentukan oleh Lembaga Peperiksaan Malaysia.

1.2.4 Karangan Perbincangan

Karangan ialah pendedahan maklumat atau idea seseorang dalam bentuk tulisan. Pada peringkat menengah rendah terdapat 2 jenis karangan. Karangan jenis ini merangkumi karangan berformat dan karangan tidak berformat. Bagi peringkat menengah rendah, terdapat tiga skop utama bagi karangan tidak berformat.

Jadual 1.1

Standard Kandungan dan Pembelajaran Karangan Terbuka

TINGKATAN	KARANGAN
TINGKATAN 1	3.4.5 menulis sebuah karangan fakta dalam 140 patah perkataan (140 சொற்களில் கருத்து விளக்கக் கட்டுரை எழுதுவர்)
TINGKATAN 2	3.4.12 menulis sebuah karangan fakta dalam 160 patah perkataan (160 சொற்களில் கருத்து விளக்கக் கட்டுரை எழுதுவர்)
TINGKATAN 3	1) 3.4.18 menulis sebuah karangan fakta dalam 180 patah perkataan (180 சொற்களில் கருத்து விளக்கக் கட்டுரை எழுதுவர்) 2) 3.4.19 menulis sebuah karangan perbincangan dalam 180 patah perkataan (180 சொற்களில் வாதக் கட்டுரை எழுதுவர்) 3) 3.4.20 menulis sebuah karangan perbincangan dalam 180 patah perkataan





(180 சொற்களில் விவாதக் கட்டுரை எழுதுவர்)

Dalam kajian ini, pengkaji menumpukan perhatian khusus kepada karangan perbahasan, iaitu standard kandungan 3.4.19. Walaupun bentuk karangan perbahasan telah diperkenalkan sejak di sekolah rendah, murid masih menghadapi kesukaran untuk menghasilkan karangan yang berkualiti. Menurut Nasir et al. (2023), penggunaan bahasa dalam komunikasi seharian yang dipengaruhi oleh bahasa ibunda adalah berbeza daripada Bahasa Melayu standard yang dipelajari secara formal di sekolah. Situasi yang sama turut berlaku dalam kalangan murid Bahasa Tamil apabila mereka cenderung menggunakan bahasa tidak rasmi atau bahasa pertuturan dalam penulisan karangan. Hal ini menyebabkan mereka gagal memperoleh markah tinggi dalam karangan perbahasan dan turut menjejaskan kejelasan huraian isi. Bagi mengatasi masalah ini, murid perlu lebih kerap berlatih menulis karangan. Namun begitu, proses penghasilan karangan mengambil masa yang agak panjang, justeru memerlukan pendekatan tertentu bagi membantu murid meningkatkan kemahiran penulisan mereka.

1.3 Pernyataan masalah

Bahagian karangan merupakan komponen penting dalam penilaian mata pelajaran Bahasa Tamil kerana ia mengukur keupayaan murid berfikir secara kritis, mengolah idea dan menulis dengan berkesan. Namun begitu, dapatan menunjukkan ramai murid masih gagal memperoleh markah yang cemerlang dalam bahagian karangna. Terdapat banyak perkara yang mendorong untuk situasi ini. Situasi ini secara tidak langsung telah menurunkan tahap pencapaian keseluruhan murid dalam peperiksaan Bahasa Tamil dan





memberi kesan negatif kepada prestasi akademik mereka secara umum. Hal ini kerana, bahagian karangan adalah bahagian yang merangkumi jisim pemarkahan yang tinggi berbanding dengan bahagian-bahagian lain.

Dari segi pandangan pihak guru, bahagian karangan ini komponen penting dalam penilaian mata pelajaran Bahasa Tamil kerana ia menguji kebolehan murid mengolah idea, menyusun hujah dan menulis dengan berkesan. Menurut kajian Nazwa et. al, 2024 proses penulisan yang efektif melahir daripada cara penyampaian idea-idea dengan menarik dan dapat difahami oleh pembaca. Murid perlu mengungkapkan idea, pemikiran, pandangan, pendapat, gagasan atau perasaannya mengenai pelbagai topik dengan cara yang efektif (Nazwa et, al. 2024). Tetapi ramai guru mengelaskan bahawa murid masih gagal memperoleh markah yang cemerlang dalam bahagian ini.

Berdasarkan pemerhatian guru, terdapat pelbagai punca menyebabkan murid tidak dapat menguasai kemahiran menulis karangan dengan baik, khususnya dalam penulisan karangan pebahasan.

Hasil analisis item kertas soalan Bahasa Tamil tingkatan 3 dan laporan dialog prestasi peperiksaan juga menunjukkan bahawa ramai murid masih lemah dalam bahagian karangan. Kelemahan ini ketara apabila majoriti murid gagal memperoleh markah cemerlang, iaitu antara tiga puluh lima hingga empat puluh markah. Ada juga yang tidak melepasi markah minimum untuk lulus mata pelajaran Bahasa Tamil. Berdasarkan perbincangan guru dalam mesyuarat dialog prestasi dapat mengenalpasti pelbagai punca yang murid kurang menguasai bahagian karangan.





Antara yang murid menghadapi pelbagai kesukaran seperti kurang memahami format perbahasan, tidak dapat membina hujah yang mantap, kekurangan kosa kata, serta kurang latihan penulisan yang berfokus. Menurut kajian Aziezhah, R. K, 2022 hal ini disebabkan murid kurang menulis dan juga tidak ada media yang sesuai untuk pembelajaran dan ia mendorong untuk murid kurang aktif dalam pembelajaran. Media yang digunakan oleh pendidik memainkan peranan penting dalam proses pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas.

Selain itu, kurang pengetahuan dan pemahaman terhadap sesuatu topik karangan menyebabkan murid tidak dapat mengembangkan idea dalam penulisan mereka. Hal ini menyebabkan kualiti karangan menjadi lemah (Mamat et al., 2021). Secara tidak langsung ia menjejaskan pada bahagian markah.



Seterusnya, kelemahan dalam pembelajaran bahasa Melayu sering berlaku walaupun menjadi bahasa pertama kepada murid Melayu (Nasir et al., 2023). Situasi yang sama berlaku pada murid Bahasa Tamil. Walaupun bahasa pertuturan ataupun bahasa ibunda mereka Bahasa Tamil, tetapi masih lagi gagal untuk menguasai sepenuhnya dan ia menjejaskan dalam bahagian karangan. Ini disebabkan faktor penggunaan bahasa ibunda dalam komunikasi berbeza daripada bahasa standard yang dipelajari secara formal di sekolah (Nasir et al., 2023). Walaupun semasa berkomunikasi atau semasa menulis menggunakan bahasa yang sama tetapi gaya penggunaan bahasa adalah berbeza.

Hal ini mendorong pengkaji menjalankan kajian yang bertujuan untuk mengenal pasti masalah murid tingkatan 3 Bahasa Tamil dalam menulis karangan





perbahasan. Kajian ini juga bertujuan untuk melihat sejauh manakah keberkesanan teknik ToHuCoKeP dalam mengembangkan isi secara mendalam untuk membentuk karangan yang cemerlang. Seterusnya untuk membantu murid yang sukar untuk mengulas isi dengan menggunakan teknik ToHuCoKeP ini.

1.4 Objektif kajian

Objektif kajian ini adalah seperti berikut:

- i. Mengenalpasti masalah yang dihadapi oleh murid dalam penulisan karangan perbahasan.
- ii. Melaksanakan latihan penulisan karangan perbahasan kepada para murid melalui teknik ToHuCoKeP bagi mempertingkatkan kemahiran mengolah isi dan menyusun hujah dengan baik.
- iii. Mengenal pasti keberkesanan teknik ToHuCoKeP dalam karangan perbahasan Bahasa tamil murid tingkatan 3.

1.5 Persoalan kajian


Berikut merupakan beberapa persoalan kajian yang akan dijawab melalui kajian ini:

- i. Apakah tahap pencapaian murid dalam penulisan karangan perbahasan?
- ii. Sejauh manakah latihan menggunakan teknik ToHuCoKeP dapat membantu murid mengolah isi dan menyusun hujah dengan lebih teratur dan berkesan?
- iii. Bagaimanakah teknik ToHuCoKeP mempengaruhi pengorganisasian struktur karangan perbahasan bahasa tamil dalam kalangan murid tingkatan 3?
- iv. Bagaimanakah Teknik ToHuCoKeP membantu meningkat pencapaian murid tingkatan 3 di bahagian karangan perbahasan?



1.6 Kerangka Konseptual Kajian

Pembolehubah bebas bagi kajian ini adalah soalan yang digunakan, pemikiran kreatif, pencapaian dan prestasi murid. Manakala pemboleh ubah bersandar adalah teknik ToHuCoKeP.



Rajah 1.1 Kerangka konseptuan kajian



1.7 Batasan kajian

Kajian ini dijalankan dalam skop yang terhad kepada 30 orang responden sahaja. Responden kajian ini terdiri daripada murid tingkatan tiga yang mengambil Bahasa Tamil sebagai mata pelajaran peperiksaan di peringkat Ujian Akhir Sesi Akademik (UASA). Responden dipilih secara rawak iaitu berdasarkan kelemahan mereka dalam penulisan karangan perbahasan Bahasa Tamil yang dikenal pasti melalui analisis item kertas soalan peperiksaan pertengahan tahun dan dialog prestasi peperiksaan pertengahan tahun. Kajian ini hanya memfokuskan kepada keberkesanan penggunaan teknik ToHuCoKeP dalam meningkatkan kemahiran menulis karangan perbahasan. Melalui kajian ini dapat menilai perubahan kemahiran murid dalam aspek isi, dan gaya huraian isi tersebut selepas pelaksanaan intervensi teknik ToHuCoKeP dijalankan.

Selain itu, tempoh pelaksanaan kajian ini adalah selama lapan minggu, melibatkan sesi pengajaran, latihan penulisan dan penilaian hasil karangan murid sebelum dan selepas intervensi. Kajian ini tidak menilai faktor lain responden seperti latar belakang sosioekonomi, tahap motivasi, atau gaya pembelajaran murid secara mendalam.

Mengikut Kurikulum Standard Sekolah Menengah (DSKP) terdapat 4 kemahiran asas. Iaitu kemahiran mendengar, bertutur, membaca dan menulis. Bagi kajian ini pengkaji memilih kemahiran menulis sahaja. Khususnya di kemahiran menulis karangan yang bergantung kepada Standard Kandungan 3.4. Standard Kandungan ini terdiri daripada 6 jenis Standard Pembelajaran yang mengfokuskan bahagian karangan. Pengkaji memilih 1 Standard Pembelajaran sahaja daripada 6 jenis Standard Pembelajaran. Iaitu, 3.4.19 penulis sebuah karangan perbahasan dalam 180 patah perkataan (3.4.19 180 சொற்களில் வாதக் கட்டுரை எழுதுவர்). Karangan perbahasan





adalah salah satu karangan yang penting di peringkat peperiksaan SPM dan mengandungi tujuh puluh markah daripada keseluruhan markah. Oleh sebab itu, murid wajib menguasai cara menulis karangan perbahasan dengan cemerlang. Ini adalah salah satu sebab pengkaji memilih karangan perbahasan.

Pengkaji menggunakan lapan soalan yang digunakan dalam peperiksaan PT3 dan UASA yang diluluskan oleh Lembaga Peperiksaan Malaysia. Keberkesanaan teknik ini dapat dinilai melalui ujian Pra ujian Pasca dan temu bual. Tema soalan yang sama digunakan untuk ujian Pra dan ujian Pasca. Walaupun tema yang sama, tetapi pengkaji menggunakan soalan yang berbeza untuk memastikan murid menggunakan teknik ToHuCoKeP ini.



1.8 Kepentingan kajian

Kajian ini diharapkan dapat memberikan satu gambaran yang sebenar tentang ciri-ciri teknik ToHuCoKeP yang boleh digunakan oleh guru untuk mengukuhkan perkembangan isi dalam karangan perbahasan. Hasil kajian ini juga akan memberikan gambaran dan panduan kepada murid dan guru untuk meningkatkan kualiti karangan dan juga untuk menghasilkan karangan yang cemerlang dalam kalangan murid Bahasa Tamil tingkatan 3.





1.8.1 Kepentingan kepada Murid

Kajian yang bertajuk teknik ToHuCoKeP dalam kemahiran mengembang isi karangan Bahasa Tamil menyumbang pelbagai kepentingan kepada murid. Khususnya kepada murid sekolah menengah. Ia disebabkan murid sekolah menengah yang menduduki peperiksaan awam iaitu Sijil Pelajaran Malaysia. Secara tidak langsung semua murid akan berusaha untuk menghasilkan karangan yang bertaraf cemerlang untuk mendapatkan pencapaian yang tinggi dan kajian ini akan dijadikan sebagai panduan untuk mereka.

Dengan teknik ini, murid diajar untuk mengembangkan isi dengan lebih teratur dan sistematik. Melalui pendekatan ini murid dapat tahu kandungan susunan isi.

Susunan seperti topik, huraian, contoh, kesan dan ayat penegasan atau ayat kesimpulan isi. Dengan ini, murid dapat membina perenggan yang lengkap. Hal ini memudahkan murid mengenal pasti ungkapan indah atau elemen sastera yang boleh dikaitkan dengan isi berkenaan. Melalui pelaksanaan teknik ToHuCoKeP, murid dapat belajar cara mengolah isi dengan tersusun, membina hujah yang kukuh dan menulis dengan lebih yakin serta berkesan.

Selain mata pelajaran Bahasa Tamil, teknik ini turut boleh diaplikasikan dalam mata pelajaran lain seperti Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Sejarah, Geografi dan mana-mana subjek yang melibatkan penulisan esei. Hal ini demikian kerana kaedah penghuraian soalan esei bagi kebanyakan mata pelajaran adalah hampir sama. Di samping itu, penggunaan teknik ini berpotensi membantu murid memperoleh markah yang lebih cemerlang dalam peperiksaan.





1.8.2 Kepentingan kepada Guru

Kajian ini amat sesuai kepada para pendidik terutama kepada guru bahasa. Ini kerana merekalah individu yang paling hampir dan terlibat secara langsung dengan penghasilan karangan. Biasanya guru memberi tumpuan yang paling banyak di bahagian karangan. Ia kerana bahagian ini menyumbang markah yang paling banyak pada peperiksaan. Sebagai ilustrasinya, di peringkat SPM soalan karangan perbahasan Bahasa Tamil menyumbang sebanyak 70 markah daripada 230 markah. Jurang yang paling banyak.

Hal ini yang memberi tekanan kepada guru untuk memfokuskan bahagian karangan. Oleh itu, teknik-teknik karangan amat membantu guru untuk mengajar karangan kepada murid. Berbanding dengan pendahuluan dan penutup, isi yang meliputi banyak markah dan bahagian yang murid perlu mengulas banyak. Walaupun menggunakan gaya penandaan holistik, masih bahagian isi yang menyumbang untuk meningkat pencapaian murid.

Oleh itu teknik yang digunakan dalam kajian ini amat memberi sokongan kepada pendidik untuk mengajar cara mengulas isi karangan dengan sistematik. Daripada penggunaan teknik ToHuCoKeP guru dapat mendorong tiga taraf murid yang ada dalam satu kelas. Secara tidak langsung guru dapat mengaplikasikan pembelajaran terbeza yang gagasan utama Kementerian Pendidikan Malaysia. Melalui menggunakan teknik ini guru dapat menghasilkan PdPc yang berkesan. Disamping itu, teknik ToHuCoKeP ini juga membantu guru untuk mengenalpasti idea-idea yang bernas.





1.8.3 Kepentingan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia

Kajian ini juga memberi manfaat kepada Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dalam usaha memperkukuh pengajaran Bahasa Tamil di sekolah menengah. Hasil kajian ini dapat dijadikan asas rujukan kepada kementerian untuk merancang program peningkatan kemahiran menulis karangan, khususnya dalam bahagian karangan perbahasan yang sering menjadi cabaran kepada murid. Strategi-strategi baru ini dapat ditambahkan kepada kurikulum baru yang akan dilaksanakan pada tahun 2027. Sebagai contohnya, dalam buku teks, boleh memberi teknik atau strategi mengulas isi karangan yang bersesuaian di ruang latihan yang diberi. Hal ini kerana buku teks adalah bahan bantu pengajaran yang paling utama digunakan oleh murid dan bahan bantu mengajar kepada guru.



Melalui dapatan kajian ini, kementerian boleh mempertimbangkan untuk mengadakan bengkel atau kursus penulisan berasaskan teknik ToHuCoKeP kepada murid di pelbagai peringkat. Bengkel ini dapat membantu murid memahami strategi penulisan yang lebih sistematik dan menyeronokkan, di samping meningkat prestasi mereka dalam peperiksaan. Selain itu, bahagian pembangunan kurikulum boleh mengadakan kursus kepada guru tentang teknik-teknik mengulas isi karangan yang berbeza dan boleh menggunakan teknik yang digunakan oleh pengkaji dalam kajian ini.





1.9 Definisi Operasional

Terdapat beberapa istilah yang memerlukan penjelasan untuk menerangkannya dengan lebih baik berhubung dengan kehendak dan keperluan penyelidik dalam kajian ini.

1.9.1 ToHuCoKeP

Penulisan karangan adalah kemahiran yang sukar untuk dikuasai oleh murid. Teknik mengolah tajuk yang amat membantu murid semasa menulis karangan. Terdapat pelbagai teknik yang digunakan oleh pendidik bagi meningkat kefahaman kemahiran menulis. Salah satu teknikny adalah ToHuCoKeP. ToHuCoKeP ini membantu murid untuk mengolah isi topik. Ia akronim kepada topik, huraian, contoh, kesan dan penegasan atau penutupan yang menggunakan lima aspek ini untuk mengolah isi.

Jadual 1.2

Penjelasan ToHuCoKeP

Teknik	Rangka Isi Karangan	
To	Ayat T opik	Isi utama / Idea utama
Hu	Ayat H urai	Mengapa / Kenapa
Co	C ontoh	Bagaimana
Ke	Ayat K esan	Kesan / Implikasi
P	Ayat P enegasan	Rumusan





Berpandukan jadual 1.2 ini murid akan mengembangkan isi karangan perbahasan mengikut tajuk yang diberi. Murid menggunakan kata kunci ini untuk tanya soalan mengikut topik. Jawapannya akan menjadi sebagai perenggan isi karangna perbahasaan

1.9.2 Karangan Perbahasan

Menurut (Kamus dewan Edisi Keempat, 2012) karangan bermaksud sesuatu yang dikarang atau hasil mengarang. Perbahasan bermaksud perihal berbahas atau membahaskan dan perdebatan dalam konteks kajian ini, karangan perbahasan merujuk kepada satu bentuk penulisan yang menekankan penyampaian hujah secara lisan atau tulisan bagi menyokong atau menentang sesuatu tajuk atau isu yang disediakan.

Karangan perbahasan ditulis dalam bentuk formal dengan menggunakan gaya bahasa yang meyakinkan, hujah yang tersusun serta alasan yang logik dan relevan. Walaupun standard kandungan karangan perbahasan bermula daripada sekolah rendah, di sekolah menengah bermula dari tingkatan 3. Hujah karangan perbahasan murid tingkatan tiga perlu tidak kurang daripada 180 patah perkataan. Bagi menengah rendah karangan perbahasan mempunyai 40 markah. Bagi murid menengah atas hujahnya perlu 300 patah perkataan dan 70 markah untuk karangan perbahasan.





1.10 Rumusan

Secara keseluruhannya, kajian ini dilaksanakan kerana murid Tingkatan 3 didapati lemah dalam penulisan karangan perbahasan Bahasa Tamil. Ia dapat dibuktikan melalui analisis item kertas soalan peperiksaan pertengahan tahun dan laporan dialog prestasi peperiksaan pertengahan tahun. Kelemahan di bahagian karangan terutama karangan perbahasan ini bukan sahaja menjejaskan markah, malah turut memberi kesan kepada pencapaian keseluruhan murid dalam mata pelajaran Bahasa Tamil. Bagi mengatasi masalah ini pengkaji menggunakan teknik ToHuCoKeP dalam pengajaran dan pembelajaran yang diharapkan dapat membantu murid meningkatkan kemahiran menulis karangan perbahasan. Kajian ini dilakukan selama 8 minggu dengan tajuk yang berbeza di sebuah sekolah daerah Johor Bahru. Bagi dapatan kajian, pengkaji menggunakan ujian Pra, ujian Pasca dan temu bual sahaja.

